

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: UPACARA PERASMIAN MATSUSHITA TELEVISION CO.(M) SDN. BHD.

TEMPAT: SHAH ALAM, SELANGOR

TARIKH: 23 NOV 1989

MASA:

Yang Berbahagia  
Tan Sri Nasruddin Bin Mohamed,  
Pengerusi  
Matsushita Television Co. Sdn. Bhd.;  
Encik Akio Tanii,  
Presiden Matsushita Electric Industrial  
Co. Ltd.;  
Encik Kensuke Yokoo,  
Pengarah Urusan  
Matsushita Television Sdn. Bhd.;  
Dif-dif kehormat;  
Tuan-tuan dan puan-puan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan Matsushita Television Sdn. Bhd. kerana menjemput saya merasmikan syarikat ini. Pembukaan rasmi syarikat ini akan memberi sumbangan ke arah pembangunan sektor perkilangan di Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Sektor perkilangan dijangka menyumbang satu perempat daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar atau KDNK pada tahun ini. Ini merupakan kali pertama sektor perkilangan mengatasi garis 25% KDNK. Dua tahun lalu sektor perkilangan telah mengatasi sumbangan kepada KDNK oleh sektor pertanian, perhutanan dan perikanan. Daripada segi eksport pula, eksport barang-barang perkilangan dijangka berjumlah hampir 55% daripada jumlah eksport negara tahun ini. Inilah kali pertama jumlahnya melebihi daripada setengah jumlah eksport negara. Perkembangan ini sangatlah menggalakkan dan ianya selaras dengan cita-cita kerajaan untuk menjadikan sektor perkilangan sebagai sektor utama dalam pembangunan ekonomi negara.

3. Walaupun begitu, kerajaan akan terus memberikan galakan yang sewajarnya kepada sektor ini supaya sumbangannya kepada KDNK terus meningkat. Kerajaan berharap ia akan meningkat kira-kira 40% pada akhir abad ke 20 ini. Keyakinan ini bertambah tebal dengan beberapa perkembangan yang sangat menggalakkan. Pertamanya, asas sektor perkilangan negara kita yang terlalu berat kepada barang-barang elektrik dan elektronik serta tekstil beberapa tahun yang lepas, telah menunjukkan perluasan kepada barang-barang lain, seperti barang-barang getah, barang-barang kimia dan barang-barang berasaskan kertas atau paper products. Di samping

itu pelaburan dalam sektor perkilangan ini telah meningkat lebih pesat dari tahun lalu. Pelaburan yang diluluskan oleh kerajaan untuk 7 bulan yang pertama tahun ini adalah kira-kira enam billion ringgit -- satu peningkatan kira-kira 34% lebih tinggi dari tempoh yang sama tahun lalu.

4. Pelaburan yang tinggi ini kebanyakannya dari luar negeri. Mengikut perangkaan ekuiti yang diluluskan tahun lalu, 58% ekuiti adalah dari luar negeri. Tidak dapat dinafikan bahawa peningkatan pelaburan asing ini adalah berikutan dengan kemudahan-kemudahan infrastruktur, insentif-insentif yang ditawarkan dan promosi yang agresif oleh pihak kerajaan.

5. Baru-baru ini timbul pula satu pandangan bahawa Kerajaan telah memberi kemudahan dan insentif yang terlalu banyak kepada para pelabur asing. Pendapat tersebut juga menyatakan jika kemudahan-kemudahan dan insentif-insentif ini dikurangkan sedikit daripada apa yang disediakan sekarang ini ianya akan juga menarik pelaburan asing yang tinggi.

6. Sekiranya kita melihat trend ini dalam perspektif antarabangsa, kita akan dapat memerhatikan bahawa negara kita bersaing sengit dengan negara-negara lain terutama beberapa buah negara ASEAN untuk mendapatkan pelaburan asing. Beberapa buah negara jiran kita telah berjaya mencapai perkembangan ekonomi yang membanggakan, terutama pembangunan perindustrian. Oleh yang demikian, sebarang pengkajian sama ada Malaysia telah menyediakan kemudahan-kemudahan pelaburan yang mencukupi, yang berlebihan atau berkurangan, hendaklah mengambil kira perkembangan-perkembangan di negara-negara asing, terutama di rantau Asia Tenggara.

7. Mengikut penilaian kerajaan dewasa ini, insentif-insentif dan kemudahan-kemudahan cukai dan bukan cukai yang diberikan kepada para pelabur asing akan diteruskan kerana ianya telah membuktikan hasil yang baik. Apatah lagi kerajaan yakin salah satu langkah efektif mengurangkan pengangguran di negara ini ialah melalui sektor perkilangan yang berkembang pesat. Sektor ini berjaya mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang tertinggi berbanding dengan semua sektor lain semenjak beberapa tahun yang lalu. Sektor perkilangan akan terus memainkan peranan yang penting dan utama dalam usaha Kerajaan mengurangkan pengangguran. Sebenarnya insentif yang diberi pada akhirnya adalah sama dengan subsidi bagi gaji pekerja. Jika kita tidak menyediakan insentif, memandang kos tenaga manusia yang lebih murah di negara-negara jiran, mungkin pelaburan asing tidak akan datang ke negara kita dan ramai yang akan menganggur. Anggapan bahawa insentif diberi hanya untuk para pelabur adalah tidak tepat. Perhitungan perlu dibuat berkenaan dengan bilangan pekerja yang akan menganggur jika kilang-kilang ditutup. Di Amerika Syarikat, United Kingdom dan negara-negara Eropah lain, bantuan modal yang besar diberi oleh kerajaan kepada syarikat-syarikat asing,

kebanyakannya Jepun, yang sanggup mendirikan kilang-kilang terutamanya di kawasan-kawasan yang kurang maju dan kurang peluang pekerjaan. Demikian insentif oleh negara-negara yang sudah maju. Di Malaysia kita tidak memberi subsidi bentuk modal kepada pelabur-pelabur asing. Kita hanya tidak mengutip cukai.

8. Menyentuh tentang kemajuan yang dicapai oleh agensi-agensi awam dalam menyediakan infrastruktur dan jentera pentadbiran bagi meluluskan sebarang cadangan pelaburan, kerajaan berbangga dengan perkembangan yang sangat menggalakkan di beberapa buah negeri. Mengikut kajian yang dijalankan, kelulusan bagi tapak-tapak industri atau kilang adalah bertambah cepat dan mudah di beberapa buah negeri seperti Johor, Selangor, Melaka dan Pulau Pinang. Terdapat juga penyelarasan yang semakin baik di beberapa buah negeri lain. Pendek kata, usaha-usaha Kerajaan Persekutuan dan negeri memperbaiki pentadbiran pelaburan oleh agensi-agensi awam persekutuan dan negeri telah membawa hasil yang menggalakkan. Kerajaan berharap kemajuan pentadbiran yang menggalakkan ini akan diteruskan supaya daya tarikan pelaburan akan meningkat, apatah lagi memikirkan bahawa negara kita menghadapi saingan yang hebat daripada negara-negara serantau.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Saya ingin menyentuh tentang pengetahuan Bahasa Jepun di kalangan rakyat negara ini. Pada dasarnya, kerajaan memang menggalakkan perkembangan pengetahuan bahasa-bahasa asing. Bahasa Inggeris diajar di sekolah-sekolah dan beberapa bahasa asing yang lain termasuk bahasa Arab juga diajar di beberapa peringkat pembelajaran di Malaysia. Oleh kerana kita ingin mengetahui dan ingin belajar dengan berkesan akan etika kerja, cara-cara pengurusan dan organisasi syarikat dan industri Jepun, yang mana semua ini jelas membawa kejayaan kepada Jepun dalam bidang ekonomi, maka kerajaan telah memutuskan untuk memberi penekanan terhadap penguasaan bahasa Jepun oleh kumpulan-kumpulan tertentu di kalangan rakyat Malaysia. Kumpulan-kumpulan yang dimaksudkan ialah pekerja-pekerja dan eksekutif-eksekutif yang terlibat secara langsung dalam perindustrian negara. Tahap penguasaan tidaklah perlu terlalu tinggi. Walau bagaimanapun, bagi pihak pengurusan mereka dikehendaki mempunyai penguasaan yang baik bagi keperluan tugas mereka.

10. Untuk tujuan ini Kerajaan akan mengadakan beberapa kemudahan untuk mempelajari Bahasa Jepun. Pegawai-pegawai Kerajaan juga akan digalakkan mempelajari bahasa Jepun. Adalah diharapkan syarikat-syarikat Jepun akan membantu dalam usaha ini dengan mengadakan kemudahan sendiri bagi pekerja mereka mempelajari bahasa Jepun.

11. Pekerja dan eksekutif Malaysia hendaklah mengadakan pandangan yang positif terhadap usaha ini. Langkah ini bukanlah bertujuan menjadikan kita orang Jepun. Jika kita ingin maju dan berjaya, kita hendaklah belajar daripada

orang yang maju dan berjaya. Tidak ada cara yang lebih berkesan dalam mempelajari bagaimana orang lain berjaya selain daripada memahami bahasa mereka. Kita tidak akan rugi jikalau kita faham Bahasa Jepun. Kita akan tetap beruntung.

Ladies and gentlemen,

12. The relationship between Malaysia and Japan has been strongly cemented through trade and investment. For the past one decade we have seen a tremendous spurt in bilateral trade between Malaysia and Japan and the continued inflow of Japanese direct investments as well as technology transfers into Malaysia. This growth both in trade and investment has been achieved in an environment of close and harmonious economic relations between the two countries.

13. The opening of this eighth Matsushita's company incorporated in Malaysia serves to augment further the large Japanese investment in this country. With this, Matsushita's investment in Malaysia exceeds 1 billion ringgit. In congratulating Matsushita I would like to thank the company for its confidence in Malaysia, being as it is among the very first Japanese companies to invest in Malaysia and to keep on investing large sums of money here. That confidence and bullishness about Malaysia shown by Matsushita has now spread to many Japanese investors, big, medium and small. Japan has now become the largest investor in Malaysia for the past several years. However, there are still tremendous opportunities in Malaysia for even greater investment as the Malaysian Government is committed to a programme of rapid industrialisation especially in manufacturing. This commitment is inevitable seeing that only industry, particularly manufacturing, can create the jobs for our people, besides contributing to growth.

14. Besides the Japanese, there is a flow of investment from the rapidly growing Asian economies like Taiwan, Singapore and Hong Kong into Malaysia. That this flow is motivated by enlightened self interest does not put us off one bit, for our welcome too is due to enlightened self-interest. The people who think that there are altruistic reasons for doing things are really out of touch with reality. The government will continue to make the country as attractive as possible to investors, foreign as well as local. As a further step towards this end the Cabinet has decided to set up a small unit in the Prime Minister's Department dedicated to receiving any complaints, or suggestions, from investors. They will soon be sending questionnaires to all companies in strict confidence. The unit will be directly responsible to the Prime Minister. Whatever action that needs to be taken as a result of complaints or suggestions will be taken. So please avail yourself of the new facility. Do not wait to be asked by the unit. It is there to serve you.

Tuan-tuan dan puan-puan,

15. Saya difahamkan bahawa para pekerja di syarikat ini berikrar bekerja dengan bersungguh-sungguh, serta menjaga kualiti barang-barang yang dikeluarkan. Ini adalah satu sikap yang baik dan terpuji.

16. Para pekerja tempatan adalah satu komponen yang dapat menarik pelaburan ke negara kita. Para pelabur sudah tentu memerlukan para pekerja yang dapat menyumbangkan tenaga yang membawa kebaikan kepada para pelabur dan para pekerja. Dengan itu mereka mahukan kumpulan pekerja yang berdedikasi dan berdisiplin. Insyaa-Allah, secara langsung atau tidak langsung pekerja akan mendapat tambahan ganjaran bagi diri sendiri hasil dedikasi dan produktiviti mereka.

17. Apabila kita mengadakan promosi menarik pelaburan, salah satu yang diterangkan kepada para pelabur ialah Malaysia mempunyai tenaga kerja yang cekap dan mahir, serta mempunyai tingkat pelajaran yang baik untuk membolehkan mereka menjalani sebarang latihan dan kemahiran. Sekarang ramai pelabur sudah pun membawa modal ke negara kita. Ingatlah jika tidak kerana kesanggupan mereka melabur, peluang-peluang pekerjaan tidak akan bertambah. Sekarang masih ramai daripada rakyat Malaysia sedang menganggur. Mereka menanti-nanti peluang pekerjaan yang akan diwujudkan daripada pelaburan. Janganlah kita hampakan harapan mereka. Satu hari nanti bilangan penganggur akan berkurangan sehingga akan ada majikan yang akan berebut-rebut untuk mendapat pekerja. Pada ketika itu saya yakin majikan sendiri akan meningkatkan layanan terhadap pekerja mereka.

18. Bagi syarikat ini, saya difahamkan salah satu objektif jangka panjangnya ialah memastikan kemajuan dan pembangunan kerjaya bagi kakitangan pengurusan dan pekerja tempatan. Program tempatan atau localisation programme syarikat ini harus diterima dengan baik. Kakitangan dan pekerja tempatan haruslah belajar bersungguh-sungguh; jangan tunggu diajar sahaja, sebaliknya mencari kemahiran dan pelajaran di tempat kerja. Bersama-samalah kita bergerak menuju ke arah pembangunan yang lebih pesat lagi melalui kesungguhan, disiplin dan nilai-nilai murni di tempat kerja. Saya berharap para pekerja kita akan sentiasa menjaga nama baik negara melalui keupayaan masing-masing menjalankan tugas dengan baik.

Tuan-tuan dan puan-puan,

19. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah Matsushita Television Co Sdn. Bhd. kerana menjemput saya merasmikan kilang ini. Saya berharap keyakinan yang ditunjukkan oleh syarikat ini akan meyakinkan syarikat-syarikat lain untuk meningkatkan pelaburan mereka di Malaysia.

20. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya membuka Syarikat Matsushita Television Sdn. Bhd. dengan rasminya.

